

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 26 September 2023



## KENYATAAN MEDIA

### PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-10 (MYSTATS) 2023

---

**PUTRAJAYA, 26 September 2023** – Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-10 2023 telah diadakan pada 26 September 2023 bertemakan "**Merentasi Sempadan KDNK: Ke Arah Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar**", sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Tema ini juga selari dengan konsep Malaysia MADANI yang merangkumi kesejahteraan ekonomi dan sosial, kelestarian alam sekitar dan kemampuan mutu hidup yang seimbang. Dalam menjangkau komuniti statistik, StatsDatathon telah dijalankan buat julung kali bersama persidangan itu.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi. Majlis perasmian turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia; YBhg. Datuk Yatimah Binti Sarjiman, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi; Encik Fraziali Ismail, Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia; Profesor Dr Habshah Midi, Institut Statistik Malaysia serta lebih 1000 peserta yang terdiri daripada ahli statistik, ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai agensi secara fizikal dan maya.

Persidangan ini merupakan anjuran bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia. Ia bertujuan menyediakan platform untuk ahli statistik, penyelidik, ahli ekonomi, penggubal dasar dan ahli akademik untuk mengetengahkan idea baharu dan meningkatkan pemahaman sejagat dalam bidang statistik, selain mewujudkan jalinan kerjasama dan rangkaian yang lebih baik. Ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan analisis dan penggubalan dasar kerajaan berdasarkan fakta.

MyStats ialah platform untuk mengumpulkan ahli statistik, penggubal dasar dan pengamal statistik terkemuka yang memberikan pelbagai manfaat kepada komuniti statistik. Berbeza dengan sebelumnya, persidangan dimulakan

dengan sesi ucaptama yang membincangkan lebih lanjut berkenaan tema majlis yang disampaikan oleh Datuk Dr. Richard Leete, *Director of HRH Sultan Nazrin Shah's Economic History of Malaya Project*. Persidangan diteruskan dengan dua sesi forum yang memperihalkan sosial dan alam sekitar.

Forum yang pertama memfokus kepada ***Building a Better Malaysia: Breaking Barriers in Social Well-Being and Environmental Sustainability*** dengan Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya sebagai pengerusi. Sesi ini membincangkan berkaitan memecahkan halangan dalam kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar bagi menggalakkan pertumbuhan inklusif dan saksama yang akan memperkasa kumpulan rentan dalam masyarakat serta melindungi biodiversiti dan ekosistem di Malaysia.

Sementara itu, forum yang seterusnya adalah ***Bridging Data Gap to Foster Climate Resilience***, dipengerusikan oleh Puan Ong Li Ming, Pengarah Jabatan Pengurusan Data dan Statistik, Bank Negara Malaysia. Perbincangan tersebut adalah berkaitan kepentingan data iklim yang boleh dipercayai dan komprehensif untuk menyokong pembentukan strategi bagi mitigasi dan adaptasi demi untuk memelihara daya tahan perubahan iklim dalam komuniti dan ekosistem.

Selang di antara dua sesi forum tersebut, sesi selari turut diadakan dengan pembentangan 24 kertas saintifik di bawah 8 sub tema persidangan ini. Kertas-kertas saintifik tersebut merangkumi pelbagai bidang iaitu data analitik dan sains, modenisasi statistik serta pengukuhan statistik bersepadu. Sementara itu, sebanyak 15 poster saintifik turut dipamerkan.

Selain itu, persidangan hari ini turut mengiktiraf sumbangan pengamal statistik melalui anugerah MyStats ***The Best Young Statistician Presenter*** dan ***The Best Poster Presenter*** serta hadiah bagi 10 Kumpulan Terbaik bagi pertandingan StatsDatathon termasuk kategori khas iaitu ***Best Presenter Award***, ***Most Creative Award*** dan ***Insightful Infographic Award***. Ini adalah untuk menunjukkan penghargaan dalam mengiktiraf bakat mereka dari segi penyelidikan dan penghasilan statistik berimpak tinggi.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian

data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 SEPTEMBER 2023**

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Tuesday, 26 September 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## MEDIA STATEMENT

### 10<sup>TH</sup> MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE (MYSTATS) 2023

---

**PUTRAJAYA, 26<sup>th</sup> September 2023** – The 10th Malaysia Statistics Conference (MyStats) 2023 was held on 26<sup>th</sup> September 2023 with the theme of "**Looking Beyond GDP: Towards Social Well-Being and Environmental Sustainability**", conforming to the Sustainable Development Goals (SDGs). This theme is also in line with the concept of Malaysia MADANI covering economic and social well-being, environmental sustainability and balanced quality of life. In far reaching the statistical community, StatsDatathon was conducted for the first time alongside the conference.

This conference was officiated by Yang Berhormat Dato Hajah Hanifah Hajar Taib, Deputy Minister of Economy. The opening ceremony was also attended by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia; YBhg. Datuk Yatimah Binti Sarjiman, Deputy Secretary General of the Ministry of Economy; Mr Fraziali Ismail, Assistant Governor, Bank Negara Malaysia; Professor Dr Habshah Midi, President of the Malaysian Statistical Institute as well as more than 1000 participants including statisticians, academicians, and researchers from various agencies physically and virtually.

This conference was jointly organised by the Department of Statistics Malaysia, Bank Negara Malaysia, and the Malaysia Statistical Institute. Its purpose was to provide a platform for statisticians, researchers, economists, policymakers and academics to highlight new ideas and enhance common understanding in the field of statistics, in addition to creating better collaboration and networking. This can further increase the effectiveness of the analysis and formulation of government policies based on facts.

*MyStats is a platform for the gathering of distinguished statisticians, policy makers and renowned statistical practitioners which provided various benefits towards statistical community. Unlike before, the conference started with a keynote address discussing further on the event's theme which was given by Datuk Dr. Richard Leete, Director of HRH Sultan Nazrin Shah's Economic History of Malaya Project. The conference was continued with two forum sessions which elaborated on social and environment.*

*The first forum focused on **Building a Better Malaysia: Breaking Barriers in Social Well-Being and Environmental Sustainability** with Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, Director of Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya as the chairperson. It discussed on breaking down barriers in both social well-being and environmental sustainability to promote inclusive and equitable growth that lift up society's most vulnerable groups as well as safeguards our biodiversity and ecosystems in Malaysia.*

*Meanwhile, the following forum session was **Bridging Data Gap to Foster Climate Resilience**, chaired by Ms. Ong Li Ming, Director of Data Management and Statistics Department, Bank Negara Malaysia. The discussion was on the importance of reliability and comprehensiveness of climate data to support timely formulation of mitigation and adaptation strategies, all for the sake of fostering climate change resilience in our communities and ecosystems.*

*In between the two forums, parallel sessions were also held with the presentation of 24 scientific papers under 8 sub-themes of the conference. These scientific papers covered various fields such as data analytics and science, modernisation of statistics and strengthening of integrated statistics. Meanwhile, a total of 15 scientific posters were also exhibited.*

*In addition, today's conference acknowledged the contribution of statistics practitioners through MyStats' awards namely **The Best Young Statistician Presenter** and **The Best Poster Presenter** as well as the prizes for Top 10 Groups of StatsDatathon competition including special categories which are **Best Presenter Award**, **Most Creative Award** and **Insightful Infographic Award**. This is none other than to show appreciation in recognising their talent in terms of research and the production of high-impact statistics.*

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26<sup>th</sup> SEPTEMBER 2023**